

Tiada pemecatan dalam UMNO: TPM



Ahmad Zahid **mempengerusikan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat** di Putrajaya, semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

» Isu pecat pemimpin kanan tidak dibincang dalam mesyuarat

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

► Putrajaya

Isu pemecatan Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Naib Presiden, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal serta mana-mana ahli Majlis Tertinggi (MT) tidak pernah dibincangkan dalam mana-mana mesyuarat parti.

Malah, kedua-dua bekas anggota Kabinet itu menghadiri mesyuarat Biro Politik UMNO di Perdana Putra, Putrajaya kelmarin yang dipengerusikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak.

Jangan buruk sangka

Serentak itu, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi meminta semua pihak supaya jangan buruk sangka atau membuat sebarang spekulasi bahawa akan berlaku pemecatan dalam UMNO.

"Saya tidak dimaklumkan dan tidak pernah berbincang mengenai adanya pemecatan. Jadi, jangan buruk sangka atau membuat spekulasi mengenai perkara ini," kata Timbalan Perdana Menteri pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat, di si-

“
Saya tidak dimaklumkan dan tidak pernah berbincang mengenai adanya pemecatan. Jadi, jangan buruk sangka atau membuat spekulasi mengenai perkara ini”

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri

ni semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Shahidan Kassim.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Ketua Pe-

muda UMNO, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, semalam bahawa tiada pemimpin kanan parti akan dipecat pada mesyuarat MT UMNO hari ini.

Zahid berkata, beliau tidak nampak ada usaha ke arah peralihan kuasa dalam Jawatankuasa Pengurusan UMNO yang secara konvensyennya dipengerusikan Timbalan Presiden UMNO walaupun perkara itu tidak ditetapkan dalam perlembagaan parti.

"Secara konvensyennya," katanya ringkas apabila ditanya sama ada Muhyiddin masih menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan UMNO.

Dalam pada itu, ditanya pendirian UMNO berhubung perhimpunan baju merah atau Himpunan Rakyat Bersatu yang dijadualkan 16 September ini, Zahid, yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, perhimpunan itu dianjurkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang turut menjemput penyertaan UMNO.

Hak individu

"Adalah hak individu untuk hadir perhimpunan ini. Kerajaan menyerahkan seratus peratus kepada polis untuk melakukan apa-apa tindakan berhubung perhimpunan itu, termasuk dalam soal pengeluaran permit dan penguatkuasaan katanya.

Mengenai mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat, Zahid berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diminta mendalamkan serta melebarkan sungai sebagai langkah perediaan awal menghadapi banjir.

Katanya, jawatankuasa itu mahu JPS lebih proaktif dalam menangani masalah berkenaan terutama berhubung kegiatan meluaskan muara sungai selain mendalamkan parit dan terusan.

"Kementerian Kewangan juga diharap boleh membantu mendapatkan peruntukan tambahan bagi membiaya kerja-kerja dan kegiatan pencegahan banjir," katanya.